

6

Penawaran Sumber Maklumat Elektronik

PENAWARAN SUMBER MAKLUMAT ELEKTRONIK

Penawaran sumber maklumat elektronik kepada pengguna merupakan aspek yang perlu diberi perhatian oleh perpustakaan akademik. *Schlambach, Mary C.* dan *Mischo, W. H.* di dalam buku bertajuk *Electronic Resources and Services in Sci-Tech Libraries* (2007) menyatakan:

"Electronic technologies have produced revolutionary changes in daily activities of science librarians. However, the fundamental role of librarians remains the same : to collect source materials, organize those materials, and provide effective and efficient access to those materials. Electronic technologies provide librarians with new mechanisms and tools to accomplish these traditional functions in a distributed and virtual environments"

Kenyataan ini menunjukkan bahawa kepentingan dalam penentuan kaedah penawaran sumber maklumat elektronik kepada para

pengguna untuk memastikan jaminan akses kepada maklumat. Walau bagaimanapun, teknologi terkini membantu Perpustakaan akademik menawarkan perkhidmatan berkenaan melebihi keupayaan perpustakaan konvensional. Kini, kebanyakan Perpustakaan menggunakan perisian komersil atau *inhouse* untuk menyediakan capaian secara jarak jauh (*remote access*), portal institusi, laman web, portal penerbitan, enjin pencari dan katalog atas talian perpustakaan.

Pelayan Proxy (Proxy Server)

Proxy Server membolehkan pengguna mengakses sumber elektronik langganan Perpustakaan di rumah atau di luar negara dan di luar rangkaian kampus. Kemudahan ini amat bermakna terutamanya kepada para pelajar program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) yang berada di luar kampus. Melalui *Proxy Servers*, perpustakaan akademik berupaya mengawal akses kepada sumber elektronik melalui laman *authentication* yang membolehkan sistem mengenal pasti status keahlian pengguna. Melalui kaedah ini, hanya pengguna yang berdaftar sahaja atau maklumatnya berpadanan dengan data simpanan pangkalan data dibenarkan untuk mengakses kandungan sumber elektronik. Secara asasnya, perisian *proxy* ini menterjemahkan alamat IP komputer pengguna kepada laluan alamat IP yang digunakan oleh Perpustakaan (Jurewicz and Cutler, 2003). Terdapat beberapa perisian pelayan proxy yang popular seperti *EZProxy*, *Squid*, *Apache*, *DeleGate* dan banyak lagi.

Perisian pelayan *EZProxy* boleh digunakan dengan kebanyakan pangkalan data atas talian. Sudah menjadi amalan Perpustakaan Akademik di Malaysia untuk menempatkan secara strategik, capaian ke laman *EZProxy* melalui laman web Perpustakaan. Walau bagaimanapun, sesetengah Perpustakaan telah mengambil inisiatif selangkah ke hadapan dengan memasukkan terus laman login di halaman utama laman web berkenaan.